

10 MAR 2004

Sukan-F1

F1 DAN PILIHAN RAYA UMUM - DUA AGENDA YANG MENJADI TUMPUAN DUNIA

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Perlumbaan kereta Formula 1 dan Pilihan Raya Umum ke-11 merupakan dua agenda negara yang akan menjadi tumpuan dunia pada 21 Mac ini.

Litar Sepang akan menjadi gelanggang pusingan kedua perlumbaan kereta F1 Dunia sementara "litar" pilihan raya umum ke-11 pula akan menyaksikan para pengundi keluar melakukan tanggungjawab untuk memilih teraju negara.

Kedua-dua agenda tersebut jatuh pada hari yang sama dan ia sememangnya tidak disengajakan.

Apakah pertembungan tarikh ini akan mengurangkan tumpuan terhadap perlumbaan F1 atau sebaliknya -- inilah dilema yang dihadapi oleh SIC selaku penganjur perlumbaan GP Malaysia.

Hakikatnya yang pasti, fokus masyarakat tempatan sudah semestinya tertumpu kepada perjalanan pilihan raya umum ke-11 dan deruman F1 pastinya akan berkurangan.

Pilihan raya berlangsung lima tahun sekali dan F1 pula menemui masyarakat tempatan setiap tahun.

Pastinya agenda yang berlangsung sekali dalam lima tahun itu akan tetap diutamakan kerana ia merupakan proses untuk menentukan hala tuju negara.

Hakikat ini pastinya akan menjejaskan kemeriahan perlumbaan F1 walaupun ia merupakan satu agenda nasional yang telah banyak membantu mempromosikan nama negara pada peringkat antarabangsa.

Apakah pertembungan tarikh itu bakal melenyapkan populariti GP Malaysia tahun ini kerana pada tahun-tahun sebelumnya, acara tersebut telah dilangsungkan dalam suasana yang gilang-gemilang.

Turut menjadi persoalan sekarang ialah sama ada SIC akan meraih keuntungan ataupun sebaliknya -- memandangkan pertembungan tarikh itu serba sedikit telah menjejaskan usaha-usaha promosi mereka.

Walaupun telah menyedari hakikat tersebut, namun SIC menafikan bahawa sambutan terhadap GP Malaysia akan terjejas.

"Perlumbaan akan berlangsung mengikut jadual pada pukul 3 petang. Kami akan cari strategi baru bagi memastikan sasaran menarik 120,000 penonton terlaksana," kata pengerusi SIC Datuk Mokhzani Tun Mahathir.

Menurut Mokhzani kedua-dua agenda tersebut membabitkan kepentingan nasional dan oleh itu SIC perlu mencari jalan supaya peminat boleh mengikuti kedua-dua acara terbabit.

"F1 juga merupakan agenda nasional. Kita mesti membuat penyesuaian supaya rakyat Malaysia boleh mengundi serta menonton perlumbaan," katanya.

Untuk menentukan perlumbaan F1 tidak terjejas berikutan pertembungan tarikh pilihan raya umum, SIC akan merangka strategi baru bagi mengelak sambutan dingin daripada peminat tempatan, katanya.

Strategi yang dirancang termasuk menawarkan pakej pengangkutan yang membabitkan KLIA Express yang boleh dinikmati oleh semua peminat sukan ini.

Apapun, tanggungjawab sebagai pengundi harus dilaksanakan terlebih dahulu dan selepas itu halakan destinasi ke litar Sepang untuk memeriahkan F1, kata Mokhzani.

Sebenarnya pertembungan tarikh ini merupakan cabaran yang harus dihadapi oleh SIC. Inilah masanya untuk mereka menyerlahkan kewibawaan mereka untuk menarik minat penonton tempatan.

Mungkin daripada segi kehadiran penonton luar, matlamat SIC tidak akan terjejas tetapi untuk mencapai sasaran 120,000 penonton menyaksikan perlumbaan berprestij itu mungkin sukar kerana ia melibatkan penonton tempatan yang sudah pastinya mengutamakan tumpuan mereka kepada pilihan raya.

Walaupun perlumbaan itu mungkin kelak gagal mengekalkan kemeriahannya seperti tahun-tahun sebelumnya, namun yang harus menjadi tumpuan ialah keputusan penamat seperti juga yang akan berlaku di "litar" pilihan raya.

Pastinya dua agenda penting itu akan tetap menjadi tumpuan seluruh peminat -- di litar Sepang masyarakat dunia akan menunggu untuk menyaksikan sama ada pemandu kereta Ferrari Michael Schumacher muncul juara sementara di "litar" pilihan raya masyarakat tempatan akan menunggu parti

politik  
mana yang akan berkuasa.

-- BERNAMA

AHA JM LAT